

# Melayu diseru jangan khayal

KUALA LUMPUR, Rabu — Usahawan Bumiputera hari ini diingatkan bahawa zaman berlelah atau berkhayal sudah berakhir kerana matlamat untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru (DEB) cuma tinggal tujuh tahun lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mengeluarkan ingatan itu berkata, tempoh tujuh tahun itu harus digunakan untuk menebus dan merebut segala peluang perniagaan, perusahaan dan kegiatan ekonomi yang masih terbuka luas kepada mereka. \*

Beliau menegaskan, walaupun DEB telah dilancar sejak 12 tahun lalu, Bumiputera masih ketinggalan untuk mencapai matlamat seperti yang diharapkan.

"Adalah menjadi tanggungjawab usahawan Bumiputera untuk berganding bahu dengan kerajaan mengatasi segala kesulitan dan cabaran yang dihadapi dan tampil ke hadapan untuk terus maju," tegasnya.

Kerajaan, kata menteri itu, hanya mampu melatih tetapi ini tidak bermakna usahawan perlu mendapat bantuan atau terlalu manja dengan mengharap segala bantuan dari kerajaan.

Pergantungan ke atas bantuan kerajaan yang keterlaluan bukan sahaja menunjukkan sikap yang kurang sihat malahan boleh melambatkan kemajuan pelaksanaan sesuatu projek, kata Datuk Abdullah di kursus orientasi peserta-peserta latihan usahawan ke luar negeri.

Seramai 160 orang mengikuti kursus pertama dan mereka akan berlepas ke Korea, Jepun, Kanada, Amerika Syarikat, Germany dan Italy di bawah rancangan Pembangunan Usahawan Bumiputera di luar negeri anjuran Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) secara berperingkat-peringkat

---

tahun ini.

Datuk Abdullah berkata, kerajaan memang berharap untuk melahirkan usahawan Bumiputera supaya melalui mereka akan mewujudkan "Budaya Usahawan" seperti yang pernah lahir di zaman keagungan Melaka.

Menurut beliau, budaya usahawan itu bagaimanapun telah hilang kerana tekanan penjajah tetapi dengan pelancaran beberapa rancangan baru seperti Pensyarikatan Malaysia dan meswastakan akan menambah bilangan Bumiputera dalam bidang usahawan.

Katanya, Budaya Usahawan ini akan menyumbangkan ke arah perkembangan kebudayaan dan masyarakat untuk maju bukan sahaja dalam bidang politik sosial tetapi juga di bidang ekonomi.

Menurut Datuk Abdullah lagi, usahawan Bumiputera juga perlu mempunyai sifat dan semangat keusahawan yang baik tidak melihat kekurangan yang ada padanya sebagai penghalang.

Di samping itu ia tidak menggunakan kekurangan itu sebagai alasan kegagalan atau kemunduran sebaliknya melihat kelemahan dan kekurangan sebagai peluang dan cabaran untuk berusaha dengan lebih gigih.

Usahawan, kata menteri itu, perlu sensitif dan berfikiran ke arah ekonomi di samping mencari peluang-peluang yang boleh diceburi berselesaian dengan kemahiran dan minat masing-masing.